

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR**  
**[ TUMPAT ]**

**TARIKH : 17 NOVEMBER 2016**

**SOALAN : Dato' Kamarudin bin Jaffar [ Tumpat ] minta**  
**MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah  
perkembangan terkini usaha Kerajaan Malaysia  
membantu pencapaian tuntutan-tuntutan rakyat  
Thailand di Wilayah Pattani.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Tumpat di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, secara prinsipnya, Malaysia tidak akan mencampuri urusan dalaman sesebuah negara, terutamanya negara berjiran selaras dengan Artikel 2 Piagam ASEAN yang antara lain menyatakan bahawa Negara-Negara Anggota ASEAN mestilah saling hormat-menghormati; melaksanakan dasar tidak campur tangan terhadap kemerdekaan dan keutuhan wilayah dan kedaulatan negara ASEAN yang lain; dan sekiranya terdapat pertikaian, ianya perlulah diselesaikan secara aman.

3. Malah, semasa Rundingan Tahunan Ke-6 di antara YAB Perdana Menteri dan Perdana Menteri Thailand yang telah diadakan pada 9 September 2016 yang lalu, YAB Perdana Menteri sendiri telah menegaskan bahawa Malaysia tidak mahu mencampuri urusan dalaman Thailand. Peranan Malaysia sebagai fasilitator adalah atas permintaan kedua-dua belah pihak.

4. Malaysia amat berbesar hati kerana telah diberi kepercayaan untuk dilantik sebagai Fasilitator dalam Proses Damai di Selatan Thailand. Kepercayaan dan penerimaan peranan Malaysia ini telah turut ditegaskan oleh Perdana Menteri Thailand sendiri di mana beliau menyatakan

bahawa Malaysia adalah satu-satunya fasilitator kepada proses damai tersebut.

5. Malaysia percaya bahawa asas yang penting kepada proses rundingan damai ini adalah untuk membina kepercayaan dan mendapatkan keyakinan kedua-dua pihak khususnya penduduk Selatan Thailand terhadap proses damai tersebut. Dalam hal ini, Malaysia bersedia untuk terus memainkan peranan tersebut termasuk melaksanakan program bina upaya kepada masyarakat Islam Selatan Thailand. Bagaimanapun, Malaysia memerlukan komitmen sepenuhnya dari pihak Thailand dan masyarakat Selatan Thai agar Malaysia dapat melaksanakan peranannya dengan berkesan. Ini adalah penting agar semua pihak merasa selamat dan selesa untuk tampil ke meja rundingan tanpa rasa terancam. Ia juga adalah satu usaha yang perlu dilaksanakan dengan hati-hati dan bijaksana.

Sekian, terima kasih.